



SURAT AKUJANJI MEMATUHI SYARAT DAN TANGGUNG RUGI

Saya / Syarikat _____
No. Kad Pengenalan / No. Syarikat _____, beralamat
_____.

Sesungguhnya berjanji dengan Pengurusan Air Pahang Berhad.

- 1) Saya sedia maklum permohonan bekalan air saya seperti alamat di atas telah mendapat **keluluskan bersyarat** dari Pengurusan Air Pahang Berhad disebabkan paip utama melebihi 100 meter atau tekanan air yang rendah di premis saya atau kedua-duanya. Saya juga akan bersetuju dan akan memasang tangki air selepas tetiang meter beserta mesin pam air selepas di premis saya.
- 2) Saya juga **tidak akan melakukan kesalahan memasang mesin pam air secara terus dari tetiang meter** yang akan menyebabkan **kerosakan meter air** dan akan **menyebabkan gangguan bekalan air pada paip utama** di sekitar kawasan premis. Saya berjanji tidak akan melanggar **Seksyen 124 dan Seksyen 125, Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655)** jelas menyatakan :

Mengganggu meter atau submeter

124. Seseorang yang mengganggu suatu meter atau submeter atau menyebabkan gangguan kepada suatu meter atau submeter yang digunakan bagi menyukat air yang dibekalkan ke mana-mana premis dengan suatu cara yang menyebabkan meter atau submeter itu menunjukkan bacaan yang tidak betul **melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.**

Mengganggu sistem bekalan air atau sistem pembetungan atau sebahagian daripada sistem itu

125. Seseorang yang mengganggu apa-apa paip, saluran, pembuluh atau struktur, pembetung, lurang, kebuk, lekapan dan kelengkapan, termasuk apa-apa injap, pili atau mana-mana bahagian suatu sistem bekalan air atau sistem pembetungan **melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.**

- 3) Saya bersetuju akan menyelenggara kos perbelanjaan tangki air dan mesin pam sekiranya berlakunya kerosakan di masa akan datang dan tidak akan menyalahkan pihak Pengurusan Air Pahang Berhad sekiranya berlaku masalah tekanan air rendah atau terputus bekalan air di premis saya.
- 4) Saya faham segala syarat – syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Pengurusan Air Pahang Berhad dan akan menandatangani surat akujanji ini dengan secara sukarela dan tiada paksaan dari mana – mana pihak.

Sekian, terima kasih.

Nama pemohon : _____

No. K/P @ No. Syarikat : _____

Cop Syarikat:

Tandatangan : _____

Nama saksi(PAIP) : _____

No. K/P @ No. Syarikat : _____

Tandatangan:

Tarikh : _____

No. Pra Permohonan Bekalan Air : _____

No. Borang Permohonan Bekalan Air PAIP – 01a : _____